

Anak sungai semakin cetek

Bekalkan nelayan turun ke laut, terpaksa tanggung rugi akibat kipas enjin rosak



Anak sungai di Jeti Parti 3, Sungai Barong semakin cetek sehingga membimbangkan nelayan.

KUALA SELANGOR - Kawasan anak sungai yang menjadi laluan keluar masuk nelayan di Jeti Parti 3, Sungai Barong semakin cetek sehingga menyukarkan mereka untuk turun ke laut.

Bukan sekali, tetapi aduan sudah dipunjingkan beberapa kali kepada pihak berkenaan supaya kerja mendalamkan anak sungai dapat dijalankan, namun masalah mereka sehingga kini masih dipandang sepi.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Selangor, Thazali Sahri berkata, pihaknya sedia maklum dengan masalah yang dihadapi nelayan terbahut bagaimanapun sudah dipunjingkan kepada pihak berkaitan.

Menurutnya, masalah sama turut dibangkit dalam mesyuarat dan perjumpaan dengan agensi berkenaan, namun pihaknya dinasihikan kerja mendalamkan sungai yang cetek masih belum dilaksanakan.

"Sebab itu saya menggesa pihak berkenaan supaya dapat memberi perhatian terhadap keadaan nelayan dengan serius kerana masalah ini menjadikan rutin harian nelayan yang mahu turun ke laut.

"Bukan seorang dua, tapi lebih 40 nelayan terjejas akibat sungai cetek ini dan berharap masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih segera," katanya.

Thazali berkata, sebelum ini isu kunci air baru yang ditinggalkan pihak berkuasa mendapat perhatian pihaknya apabila kerja kecil pembinaan benteng sementara dilaksanakan.

PNK Kuala Selangor bekerja sama dengan Pengurusan Kawasan Pembangunan Pertanian Temepada (IADA) Barat Laut Selangor yang diketuai Dnyar Said untuk memperluaskan kerja pembinaan benteng sementara itu bagi membantu memudahkan nelayan.

Sebelum ini proses rundingan dan perbincangan dengan beberapa agensi

berkaitan dibuat bagi membolehkan benteng sedia ada kerana letak dan benteng yang baharu dilihat menjadi salah satu punca pintu kunci air tertimbus dengan pesat," katanya.

Tanggung kerugian

Nelayan, Saiful Bahrin Ali Khan, 41, berkata, masalah sungai cetek dan berpasir menyebabkan dia dan beberapa nelayan lain terpaksa menanggung kerugian selepas kipas enjin kapal rosak.

"Kipas enjin salah masuk atau tersedut hingga kami terpaksa tanggung kos tukar baru berharga ratusan ringgit.

"Sebab air cetek, pak cik terpaksa bermalam atau sampen ketika pulang dari laut gara-gara menunggu air pasang. Waktu itu, hanya ALLAH saja yang tahu kesudahan nelayan yang mahu pulang ke jeti," katanya.

Saiful berkata, nelayan bukan sahaja berdepan kesukaran untuk turun ke laut tetapi terpaksa harung tolakan harga jualan lebih rendah sehingga tidak menguntungkan mereka.

Jeti yang jadi tempat pengempo-

lan hasil laut turut jadi salah satu pusat untuk penah ambil ikan segar tapi kami terpaksa jual dengan harga lebih rendah.

Nelayan tiada pilihan lain. Kami terpaksa jual harga standard yang masih di tokok lama walaupun berdepan banyak masalah teknikal seperti pukat rosak, kipas enjin 'tuan' dan sampen rosak.

"Kalau nak jual harga rendah, mana mungkin penah mahu ambil ikan di sini walaupun hasil laut seperti udang, ikan dan kotam yang dijual di pasar basah jauh lebih tinggi," katanya.

Terpaksa tolak sampen

Wakil nelayan, Mohd Izzat Roslan, 42, berkata, masalah anak sungai cetek sudah berlanjutan sejak setahun lalu dan keadaan semakin teruk selepas pelaksanaan kerja baik pulih kunci air kawasan pasang surut berkambar serta kerja berkaitan di Jeti Terbahut.

Menurutnya, meskipun masalah kunci air kawasan pasang surut berkam-

bar sudah dapat ditindas, namun risiko anak sungai semakin cetek masih berlanjutan sehingga kini.

"Ia bebarkan kami. Nelayan yang gara-jeti di sini terpaksa tunggu air pasang untuk turun ke laut sebab air terlalu cetek dan berpasir.

"Pak cik kasihan tengok nelayan tua yang terpaksa tolak sampen atau bot kecil mereka ketika air cetek dan berpasir hingga mereka terkandas untuk tempoh lama," katanya.

Mohd Izzat berkata, nelayan di kawasan ini bukannya mahu menolak pembangunan tetapi jangan sampai menyusahkan mereka yang bergantung sepenuhnya hasil laut.

"Kami juga harap benteng sementara dapat cepat dibina untuk elak risiko makin teruk dan mohon pihak berkaitan pertimbangan permohonan nelayan yang mahu mendalamkan dasar sungai sejak dua tahun lalu.

"Kami sudah sendiri bina benteng pasir untuk elak pasir terus masuk kawasan sungai tapi hari ini bertabah tiga hari saja," katanya.



THAZALI



SAIFUL



ISMAIL



Nelayan terpaksa menolak sampen yang terkandas di kawasan cetek.